



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

(Ministry of Health Malaysia)

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

Aras 9 & 10, Blok E7, Kompleks E, Presint 1

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62590 PUTRAJAYA

Tel. : 603-8000 8000

Web : www.moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.S.500-2/30/16 Jld.2 (42)

Tarikh : 17 Ogos 2026

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

URUSAN KENAIKAN PANGKAT BAGI SKIM JURUPULIH PERUBATAN (CARA KERJA) GRED U7 KE GRED U8 DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber Manusia (BSM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan urusan kenaikan pangkat bagi skim **Jurupulih Perubatan (Cara Kerja) Gred U8** dan tawaran ini terbuka kepada Jurupulih Perubatan (Cara Kerja) Gred U7 yang sedang memangku Gred U8 mulai **16 Februari 2026**. Senarai nama pegawai yang telah dikenal pasti untuk dipertimbangkan dalam urusan ini adalah seperti di **Lampiran A**. Tawaran ini juga terbuka kepada pegawai yang telah memangku Gred U8 **melebihi enam (6) bulan tetapi tiada dalam senarai nama yang dilampirkan**.

3. Bagi melaksanakan urusan ini, dimohon kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan untuk mengemukakan maklumat sebagaimana yang diperlukan seperti perincian berikut:

- (a) **Cabutan Buku Rekod Perkhidmatan mulai : 1 salinan**
01 Januari 2025
- (b) **Borang NP(S) 8.2 Pindaan 2023 : 1 salinan**
- (c) **Pengesahan markah prestasi tiga (3) tahun terkini : 1 salinan**
(LNPT 2023, LNPT 2024 dan MyPerformance
2025) serta Laporan Nilai Prestasi Khas (LNPk)
Tahun 2026

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



CERTIFIED TO ISO 9001 :2015
CERT. NO : QMS 03659



CERTIFIED TO ISO 9001 :2015
CERT. NO : QMS 03659

4. Sekiranya pegawai yang terlibat membuat penangguhan melaporkan diri dalam urusan pemangkuhan ke Gred U8, dimohon agar mengemukakan **surat kebenaran penangguhan** oleh Ketua Jabatan. Sekiranya pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan tidak memperakukan kenaikan pangkat pegawai berkenaan, perakuan secara bertulis berserta salinan dokumen sokongan yang berkaitan perlu dikemukakan bersekali kepada BSM, KKM.

5. **Tarikh tutup permohonan** bagi urusan kenaikan pangkat ini adalah pada **18 September 2026 (Jumaat)**. Kerjasama dan jasa baik pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan adalah dimohon untuk memastikan semua dokumen adalah lengkap sebagaimana senarai semak di **Lampiran B** dan dikemukakan pada tarikh yang ditetapkan. Dimaklumkan juga surat edaran/ iklan dan borang berkaitan dengan urusan kenaikan pangkat ini boleh dimuat turun melalui portal rasmi KKM atau diakses melalui Kod Pautan Pantas (Kod QR) berikut:



6. Dokumen perakuan kenaikan pangkat bagi urusan ini hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

Kementerian Kesihatan Malaysia
Bahagian Sumber Manusia
Unit Naik Pangkat (Pelaksana)
Aras 9, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W. P. PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Mohd Farid Asmuzy)

7. Sukacita diingatkan juga dalam pertimbangan sesuatu urusan kenaikan pangkat, adalah menjadi tanggungjawab pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan untuk memastikan **perakuan Penyelia dan Ketua Jabatan dilaksanakan secara telus mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa**. Untuk makluman, Lembaga Kenaikan Pangkat (LKP) KKM memandang serius perkara ini dan memutuskan agar surat teguran diberikan kepada mana-mana penyelia dan Ketua Jabatan yang membuat perakuan kenaikan pangkat yang tidak selari dengan prestasi semasa pegawai.

8. **Ketua Jabatan juga bertanggungjawab** memastikan **tindakan tatatertib** bagi pegawai yang mempunyai rekod Tidak Hadir Bertugas (THB) **telah selesai dilaksanakan**. Laporan tindakan tatatertib hendaklah dimaklumkan kepada urus setia dengan segera supaya urusan pengesahan kenaikan pangkat pegawai tidak terjejas.

9. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAFEEZAH BINTI ABDUL HALIM)

Bahagian Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN:

- | | |
|--|--|
| - Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan | Mohon panjangkan ke
semua Bahagian/Jabatan di
IPKKM |
| - Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Latihan | Mohon panjangkan ke
semua institusi latihan KKM
di bawah BPL |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah | |

SENARAI EDARAN

- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
- Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya
- Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
- Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
- Pengarah
Hospital Tunku Azizah
- Pengarah
Institut Perubatan Respiratori
- Pengarah
Institut Kanser Negara

LAMPIRAN B

SENARAI SEMAK (*CHECKLIST*) BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT JAWATAN KUMPULAN PELAKSANA, KKM

Sila pastikan dokumen yang dihantar adalah lengkap dan disusun dengan kemas mengikut susunan berikut.

	ADA	/ TIADA
1. Borang NP(S) 8.2 Pindaan 2023 (<i>Muat turun melalui Kod QR berikut</i>)	☐	☐
		
2. Lampiran 1 – Pengesahan Markah Prestasi	☐	☐
i. <i>Sila sertakan salinan LNPT (tahun 2023 dan 2024) bagi muka surat pertama yang memaparkan nama/maklumat pegawai dan muka surat yang mengandungi jumlah markah keseluruhan LNPT sahaja</i>		
ii. <i>Pengesahan markah MyPerformance (2025) oleh PPSM</i>		
3. Salinan LNPK 2026	☐	☐
4. Cabutan salinan Buku Rekod Perkhidmatan pegawai yang mengandungi nama, jawatan (maklumat pelantikan serta pengesahan dalam perkhidmatan) dan catatan mulai Januari 2025 sehingga kini	☐	☐
5. Salinan surat kebenaran Ketua Jabatan (jika ada penangguhan lapor diri untuk pemangkuhan)	☐	☐
6. Salinan keputusan/laporan Lembaga Tatatertib (jika berkaitan)	☐	☐

**SENARAI PEGAWAI YANG TERLIBAT BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT
JURUPULIH PERUBATAN (CARA KERJA)
GRED U7 KE U8
TARIKH MEMANGKU 16 FEBRUARI 2026 (ISNIN)
ZON TERBUKA**

BIL.	NAMA	NEGERI PENEMPATAN DI GRED U8
1	SARIMAH BINTI SAMSUDIN	JKN KEDAH
2	ZUNAIDA BINTI MOHAMMAD	JKN PULAU PINANG

DISAHKAN OLEH :

NAMA :
JAWATAN :


MOHD FARID BIN ASMUJE@ASMUZI
Penolong Pegawai Tadbir Tinggi
Unit Naik Pangkat (Pelaksana)
Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia

TARIKH :

12/8/2026